



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU
28 Mac 2026



Majikan digesa laksana Aturan Kerja Fleksibel

Kuala Lumpur: Putrajaya: Majikan digesa melaksanakan Aturan Kerja Fleksibel (AKF) bagi memperkukuh daya tahan organisasi, mengurangkan impak krisis tenaga dan memastikan kelangsungan pertumbuhan ekonomi negara dalam persekitaran global yang mencabar.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dalam kenyataannya, menggalakkan majikan sektor swasta menilai kesesuaian pelaksanaan AKF dalam organisasi masing-masing berdasarkan keperluan operasi termasuk melalui pendekatan bekerja dari rumah (WFH), waktu kerja anjal, penggiliran kerja atau model hibrid.

“Dalam keadaan peningkatan kos tenaga akibat konflik di rantau Asia Barat dan kebergantungan pada pergerakan harian pekerja, KESUMA berpandangan bahawa pelaksanaan AKF memberi manfaat menyeluruh kepada majikan dan pekerja.

“Langkah ini termasuk mengoptimalkan penggunaan sumber serta menyokong kesejahteraan pekerja melalui keseimbangan kerja dan kehidupan yang lebih baik,” kata KESUMA dalam kenyataannya, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menggesa sektor swasta untuk melaksanakan WFH seperti yang dijalankan beberapa syarikat dan bank selama ini.

Selaras langkah ini, KESUMA memaklumkan majikan diseru untuk mempertimbangkan pelaksanaan AKF yang diperkenalkan di bawah pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265] yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2023.

Di bawah peruntukan Seksyen 60P dan 60Q Akta 265, pekerja boleh memohon pengaturanan kerja fleksibel kepada

majikan, sekali gus memperkukuh amalan kerja moden yang lebih responsif terhadap keperluan semasa.

“Peruntukan baharu ini membolehkan pekerja membuat permohonan kepada majikan untuk bekerja secara fleksibel sama ada dari segi waktu bekerja, hari bekerja atau tempat bekerja (WFH),” menurut kenyataan itu.

Kekalkan faedah akta

Bagi menjamin kebajikan pekerja, KESUMA memaklumkan majikan yang melaksanakan AKF tidak boleh mengurangkan faedah diperuntukkan di bawah akta ini.

Ia merangkumi bayaran kerja lebih masa, bayaran kerja pada hari rehat, bayaran kerja pada cuti am, pemberian cuti rehat, cuti tahunan, hari kelepasan am dan cuti sakit.

Bagi menyokong pelaksanaan ini, KESUMA melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) menyediakan pelbagai sokongan kepada majikan termasuk khidmat nasihat pembangunan dasar AKF, latihan serta perkongsian amalan terbaik bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan tersusun.

Bagi memudahkan majikan untuk melaksanakan AKF, JTKSM menerbitkan Garis Panduan Pelaksanaan AKF pada 2024 yang boleh dimuat turun menerusi pautan <https://www.moh.gov.my/images/pdfGaris%20Panduan%20AKF%202024.pdf>.

Majikan juga boleh mendapat maklumat lanjut serta menyertai inisiatif berkaitan AKF dengan menghubungi TalentCorp melalui e-mel, flexworklife@talentcorp.com.my atau melayari www.flexworklife.my.

BERNAMA



Akhbar	The Star
Tarikh	28 Mac 2026
Ruang	Nation
Muka Surat	4



Employers urged to be flexible amid energy challenges

PUTRAJAYA: The Human Resources Ministry has called on employers to implement flexible work arrangements (FWA) as a strategic measure to strengthen organisational resilience, reduce the impact of rising energy costs and support sustainable economic growth.

In a statement, the ministry encouraged private sector employers to assess the suitability of adopting FWA based on operational needs, including work from home (WFH) arrangements, flexible working hours, job rotation or hybrid models.

The ministry noted that such arrangements can help optimise resource use while promoting better work-life balance for employees.

The call follows a recent suggestion by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim urging the private sector to adopt WFH practices, as already implemented by several companies and financial institutions.

The ministry highlighted that FWA provisions were introduced through amendments to the Employment Act 1955, which came into force on Jan 1, 2023.

Under Sections 60P and 60Q of the Act, employees are allowed to apply for FWA, including adjustments to working hours, days and workplace location.

The ministry stressed that employers implementing FWA must not reduce employee benefits such as overtime pay, rest days, public holiday entitlements, annual leave and sick leave.

The ministry, through the Peninsular Malaysia Labour Department and TalentCorp, offers advisory services, training and the sharing of best practices to ensure effective implementation.